

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIPADA :** TUAN NGA KOR MING [TAIPING]  
**TARIKH :** :  
**SOALAN :** :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah dan keberkesanan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah gelombang kedua wabak influenza H1N1 serta jumlah kes-kes terlibat.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Kesihatan telah, sedang dan akan terus mengambil pelbagai langkah-langkah pengawalan bagi mencegah gelombang kedua wabak influenza H1N1. Langkah-langkah itu adalah seperti berikut;

1. Memperkuatkkan aktiviti surveyan bagi mengenalpasti perubahan di dalam corak jangkitan influenza A(H1N1) serta kes-kes dan kluster *Influenza-Like Illness (ILI)* sebagai *proxy indicator* kebarangkalian kejadian wabak influenza A(H1N1); Sejumlah 509 klinik kerajaan dan swasta di seluruh Negara terlibat di dalam pemantauan kes-kes ILI tersebut.
2. Memberi rawatan antiviral serta merta kepada mereka yang berisiko tinggi dan mengalami *influenza-like illness* tanpa perlu menjalankan ujian pengesahan
3. Mempertingkatkan kemudahan Unit Rawatan Rapi (*ICU*) di hospital kerajaan dan mempertingkatkan pengetahuan dan keupayaan semua anggota kesihatan bagi memastikan pengurusan kes secara menyeluruh
4. Memperkuatkkan sistem arahan wabak melalui Bilik Gerakan Harian Influenza A(H1N1) dan *National Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)*,

5. Memperkuuhkan aktiviti komunikasi risiko termasuk memastikan program kesedaran influenza A(H1N1) di dalam komuniti terus diperkemas dan diperkuuhkan terutama sekali mengenai amalan basuh tangan, adab batuk, penggunaan penutup mulut dan hidung bagi mereka yang bergejala.
6. Menyegerakan aktiviti pelalian termasuk terhadap petugas barisan hadapan dan kumpulan sasar berkeutamaan.

Hasil daripada pemantauan Kementerian mendapati bahawa langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang dilaksanakan adalah berkesan bagi mengekang penularan jangkitan virus pandemik H1N1 di Malaysia. Keberkesanan ini boleh dilihat melalui beberapa indikator berikut:

1. Pemantauan kejadian kluster ILI di seluruh Negara menunjukkan tren menurun sejak Minggu Epid ke 18 (awal Mei 2010).
2. Kadar konsultasi ILI bagi Malaysia adalah di bawah paras *threshold* peringkat kebangsaan.
3. Kadar kemasukan pesakit yang mengalami jangkitan pernafasan akut yang teruk (*severe acute respiratory infections, sARI*) ke wad adalah di bawah paras *threshold* di peringkat kebangsaan.
4. Hasil kajian Kementerian melalui Institut Kajian Tingkahlaku Kesihatan telah mendapati bahawa persepsi masyarakat melalui kempen-kempen kesihatan terhadap tahap pengetahuan tentang pandemik H1N1 dan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil adalah baik.

Sehingga 21 Jun 2010, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) adalah berjumlah 15,165 kes dengan 88 kematian. Saya ingin menegaskan bahawa masyarakat juga turut mempunyai peranan yang amat penting dalam memastikan gelombang kedua ini tidak berlaku. Sikap mengamalkan kebersihan diri dan etika batuk yang betul, segera mendapat rawatan dan mengasingkan diri dan tidak ke tempat tumpuan awam jika mengalami gejala ILI hendaklah terus diamalkan pada bila-bila masa. Langkah-langkah tersebut telah terbukti berkesan ketika kita berhadapan dengan gelombang pertama. Jika semua orang mengamalkan langkah-langkah mudah ini, penularan virus sudah pasti akan dapat diputuskan dan tidak akan memberi peluang kepada virus untuk berubah dan menyebabkan gelombang kedua.

No: 164

NO. AUM : ~~170~~

NO. AUP : 164

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]

TARIKH :

RUJUKAN : 2841

### SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara terperinci jumlah kes penduduk yang lahir tanpa sijil kelahiran serta jumlah bilangan pemegang kad pengenalan warna merah mengikut kaum dan apakah rancangan serta langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah kronik tersebut.

## JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai statistik mengenai jumlah rakyat Malaysia yang tidak mempunyai Sijil Kelahiran. Dalam hal ini, kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti penduduk yang masih belum memiliki Sijil Kelahiran ialah berpandukan kepada statistik permohonan Daftar Lewat Kelahiran yang masih diproses di Jabatan Pendaftaran Negara. Sehingga April 2010, jumlah permohonan **Daftar Lewat Kelahiran yang masih dalam proses ialah 1,359 permohonan.**

Jumlah pemegang Kad Pengenalan Merah (atau MyPR) bagi Pemastautin Tetap sehingga April 2010 adalah seramai **293,581 orang** dengan pecahan kaum seperti berikut:

Cina	-	35,497 orang;
India	-	26,514 orang;
Melayu	-	6,125 orang; dan
Lain-lain kaum	-	225,445 orang.

Pelbagai usaha dan tindakan telah diambil oleh JPN sebagai inisiatif untuk menyelesaikan masalah penduduk yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri termasuk Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran. Pendekatan “turun padang” dianggap sebagai satu usaha paling berkesan di mana pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan.

Inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan oleh JPN adalah:

- i. Program MyDaftar yang dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia meliputi kawasan bandar dan luar bandar;
- ii. Program Operasi Bergerak yang dilaksanakan di negeri Sabah dan negeri Sarawak;
- iii. Pembukaan kaunter-kaunter JPN di Ibu Pejabat JPN Putrajaya dan Ibu Pejabat Negeri pada setiap Sabtu dan Ahad;
- iv. Mengadakan perkhidmatan kaunter JPN di Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Kedah dan Hospital Likas, Sabah.

Tujuan program-program tersebut diadakan adalah untuk mempermudahkan rakyat Malaysia memohon dokumen pengenalan diri iaitu Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran. Program-program tersebut telah dirancang dan disusun dengan teliti bukan sahaja setakat mengeluarkan dokumen pengenalan kepada mereka yang layak tetapi juga memberi penerangan dan khidmat nasihat mengenai kepentingan dokumen-dokumen tersebut di dalam urusan-urusan persekolahan, perubatan, pekerjaan, kebajikan dan sebagainya.

MU: 165

SJ.B/(TULIS)(15)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING (TAIPING)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**TARIKH : 07.06.2010 – 13.07.2010**

**Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan secara terperinci jumlah hasil cukai pendapatan yang diterima oleh pihak Kerajaan mengikut kategori kaum dan agama dalam tempoh 2000 hingga 2010.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, borang cukai pendapatan individu tidak mempunyai butiran kaum dan agama seseorang pembayar cukai. Sehubungan dengan itu, Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai pembayar cukai mengikut kategori kaum dan agama.

2. Jumlah cukai pendapatan individu dari tahun 2000 hingga Mei 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	RM juta
2000	7,015
2001	9,436
2002	9,889
2003	7,984
2004	8,977
2005	8,649
2006	10,196
2007	11,661
2008	14,966
2009	15,590
2010 (sehingga Mei)	8,239
<b>Jumlah</b>	<b>112,602</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN**  
**[ MERBOK]**

**SOALAN :**

**DATO' RASHID BIN DIN [ MERBOK ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tidakkah Kerajaan sedar terdapat limpahan ahli farmasi di hospital-hospital disebabkan oleh polisi 1+3 tahun yang ditetapkan untuk graduan farmasi. Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi pembaziran tenaga mahir dalam sektor ini.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

- a. Jumlah jawatan bagi Pegawai Farmasi di KKM pada 31 Disember 2009 adalah sebanyak 4,168 jawatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,116 (74.8%) jawatan telah diisi, manakala 1,052 (25.2%) jawatan masih belum diisi. Berdasarkan kepada kedudukan perjawatan tersebut, ia menunjukkan masih terdapat jawatan Pegawai Farmasi di KKM yang memerlukan pengisian sewajarnya dibuat.

Selain itu, sasaran negara bagi nisbah Pegawai Farmasi kepada penduduk iaitu 1:2,000 juga masih belum dicapai. Oleh hal yang demikian, pada umumnya, negara masih memerlukan Pegawai Farmasi terutamanya untuk mencapai sasaran nisbah yang ditetapkan.

NO. SOALAN : 167

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                   :**     BUKAN LISAN

**DARIPADA                   :**     YB DATO' RASHID BIN DIN

**[ MERBOK ]**

**SOALAN**                   :

Dato' Rashid bin Din [ Merbok ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah Kerajaan Persekutuan mempolitikkan peruntukan yang sepatutnya diselenggara oleh wakil rakyat (khususnya kawasan yang dipegang oleh pembangkang) seperti kemudahan kredit TEKUN, permohonan rumah PPRT dan KEDA, permohonan bantuan pertanian dan lain-lain peruntukan yang melibatkan Kerajaan Persekutuan. Tidakkah Kerajaan sedar ini akan meningkatkan perbelanjaan dan bantuan kurang menepati sasaran.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan tidak pernah mempolitikkan peruntukan seperti yang didakwa. Semua peruntukan tersebut disalurkan oleh kerajaan melalui agensi-agensi tertentu seperti mana yang telah ditetapkan. Kerajaan tidak berpendapat ianya akan meningkatkan perbelanjaan memandangkan agensi-agensi berkenaan sememangnya telah beroperasi di kawasan berkenaan dan lebih memahami keperluan masyarakat setempat.

Menurut Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan, semua penyelenggaraan wang awam adalah diuruskan oleh penjawat awam (pegawai Kerajaan). Wakil Rakyat boleh mencadangkan cara penggunaan wang tersebut tetapi penjawat awam bertanggungjawab memastikan ianya dibelanjakan mengikut keperluan peraturan dan undang-undang,

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kos pembinaan pagar / tembok konkrit Sekolah Kebangsaan Kelang dan pihak yang bertanggungjawab memantau projek tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan projek ubahsuai naiktaraf (USNT) yang melibatkan pembinaan pagar konkrit di SK Kelang yang melibatkan kos berjumlah hampir RM100 ribu. Projek tersebut yang dipantau oleh KPM melalui Bahagian Pengurusan dan Perolehan Aset telah bermula pada 20 Februari 2009 dan siap sepenuhnya pada 17 Jun 2009.

## **JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

## **JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

### **PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kriteria bantuan KWAPM kepada pelajar dan apakah Kementerian bercadang mengkaji jumlah bantuan tersebut.

### **JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kriteria kelayakan bantuan KWAPM ialah seperti berikut:

- i. Murid warganegara Malaysia;
- ii. Murid Tahun 1 hingga Tingkatan 1/Peralihan yang bersekolah di Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan; dan
- iii. Pendapatan Keluarga di bawah paras pendapatan garis Kemiskinan Nasional.
- iv. Mulai tahun 2011, Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar dengan eKasih yang disahkan sebagai kategori miskin atau miskin tegar sahaja yang layak menerima bantuan KWAPM selain daripada syarat (i) dan (ii) di atas.

Buat masa ini, kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula jumlah bantuan KWAPM yang diberikan.

**SJ.B(TULIS)/(16)****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :** DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
(KOTA RAJA)

**PERTANYAAN :** TULIS

**TARIKH :** 07.06.2010 - 13.07.2010

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bagaimana SIME DARBY boleh mengalami kerugian sejumlah RM1.5 bilion dan apakah dapanan hasil siasatan Kerajaan ke atas pengurusan SIME DARBY.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Yang Berhormat, sebab kerugian oleh Sime Darby Bhd (Sime Darby) adalah akibat daripada kelewatan dan lebihan kos yang dialami oleh empat projek di bawah Bahagian Tenaga dan Utilitinya. Projek-projek tersebut adalah:

- i. projek Qatar Petroleum;
- ii. projek Maersk Oil Qatar;
- iii. projek pembinaan vesel-vesel untuk digunakan dalam projek MOQ (Projek Marin); dan

- iv. projek empangan hidroelektrik Bakun.
2. Jumlah keseluruhan kerugian yang telah diperuntukkan untuk keempat-empat projek tersebut dari permulaan setiap projek sehingga suku ketiga tahun kewangan 2010 (suku ketiga berakhir 31 Mac 2010) adalah sebanyak RM1.7 bilion dan pecahannya adalah seperti berikut:
  - i. RM689 juta untuk projek Qatar Petroleum;
  - ii. RM300 juta untuk projek Maersk Oil Qatar;
  - iii. RM155 juta untuk projek Marin; dan
  - iv. RM580 juta untuk projek Bakun.
3. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya kedudukan kewangan Sime Darby masih kukuh dengan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.7 bilion dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM804 juta bagi tempoh tiga suku pertama tahun kewangan 2010 yang disumbangkan oleh Bahagian-bahagian Perladangan, Perindustrian, Harta Tanah dan Kenderaan Bermotor.
4. Kerajaan melalui agensi-agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah memulakan penyiasatan mendalam ke atas Sime Darby dan hasil siasatan masih belum dimuktamadkan. Kerajaan secara amnya sedang memantau dengan teliti perkembangan kerugian ini.
5. Hasil siasatan Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah Sime Darby telah menemui kelemahan-kelemahan

pengurusan, organisasi dan pelaporan. Penemuan bagi setiap projek adalah seperti berikut:

- i. Projek Qatar Petroleum telah diperolehi pada April 2006 dan dijadualkan siap pada Ogos 2008. Walau bagaimanapun, Bahagian tersebut telah mengalami beberapa kelewatan dan lebih kos yang mengakibatkan kerugian, di mana lebih kurang RM512 juta telahpun diambilkira. Bahagian Tenaga & Utiliti masih lagi dalam rangka perbincangan dengan klien projek ini bagi tuntutan kos lebihan tersebut. Walaupun rundingan masih berjalan, pihak Lembaga Pengarah telah membuat keputusan untuk membalikkan hasil (*reverse the revenue*) sebanyak RM200 juta yang telah diiktiraf dalam akaun Kumpulan memandangkan kelewatan dalam menyelesaikan perkara ini.
- ii. Projek Maersk Oil Qatar telah diperolehi pada Januari 2007 dan dijadualkan siap pada Oktober 2009. Terdapat beberapa kelewatan dan lebihan kos yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM159 juta untuk suku ketiga dan RM526 juta untuk sembilan bulan berakhir 31 Mac 2010. Jumlah kerugian projek sehingga kini ialah RM300 juta. Projek Maersk Oil Qatar masih berjalan dan perundingan juga masih diteruskan dengan pihak klien.
- iii. Projek Marin membabitkan pembinaan dua buah kapal tunda dan sebuah tongkang tunda (*Derrick Lay barge*) untuk digunakan dalam Projek Maersk Oil Qatar. Terdapat

kelewatan dalam penyerahan tongkang tunda tersebut dan Lembaga Pengarah telah membuat peruntukan sebanyak RM155 juta iaitu jumlah yang telah dibayar sehingga kini. Pihak Pengurusan sedang mengkaji semua opsyen yang ada pada masa ini.

- iv. Projek empangan hidroelektrik Bakun, di mana Sime Engineering Sdn Bhd memegang kepentingan efektif sebanyak 35.7%, telah diperolehi pada September 2002 dan dijadualkan siap pada September 2007. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa faktor, tarikh siap projek tersebut telah tertangguh dan kos telah meningkat. Pihak Pengurusan menganggarkan peningkatan kos sebanyak RM450 juta boleh diatribut kepada Kumpulan bagi keputusan tahun kewangan 2010 dan jumlah ini telah diperuntukkan. Projek ini masih berjalan dan tarikh siap lanjutan menurut kontrak tambahan adalah Jun 2010 berdasarkan kerja-kerja tambahan dan perbincangan berterusan dengan klien. Tarikh siap yang baru masih dalam perbincangan. Projek ini kini berada pada tahap 96% siap secara fizikal. Fasa kritikal projek yang seterusnya ialah pembendungan (*impoundment*) empangan tersebut, dimana Sarawak Hidro Sdn Bhd akan mengesahkan tarikhnya. Pihak Kumpulan sedang melantik penasihat teknikal bebas untuk projek tersebut. Memandangkan perbincangan masih berjalan, kedudukan muktamad projek mungkin berubah.

6. Disamping itu, Sime Darby sedang melaksanakan audit forensik yang dilakukan oleh perunding dan firma guaman bebas untuk mengenal pasti samada terdapat isu penyelewengan. Audit forensik ini dijangka selesai pada akhir bulan Ogos 2010.

**NO. SOALAN : 171**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

**[ KOTA RAJA ]**

**SOALAN :**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menubuhkan satu jabatan khas untuk mengawal atur dan menyelia agama-agama lain selain agama Islam. Jika tidak, apakah alasannya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini kerajaan tidak berhasrat menubuhkan satu jabatan khas untuk mengawal atur dan menyelia agama-agama lain selain agama Islam. Ini kerana Kerajaan telah mengadakan saluran tertentu sebagai

medium perbincangan antara pihak berkuasa dengan wakil-wakil bagi setiap agama atau bangsa. Oleh itu, sebarang isu yang membabitkan hal ehwal agama dan perkauman boleh dibincangkan menerusi saluran ini. Antaranya seperti dialog-dialog antara penganut agama yang diadakan secara tertutup seperti yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri. Menerusi forum seperti ini, masyarakat bukan Islam boleh menyalurkan pandangan mereka berhubung sesuatu isu yang dibangkitkan.

Kerajaan juga amat prihatin dengan hal ehwal semua kaum dan agama di negara ini. Maka, secara pentadbirannya pelantikan Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perpaduan adalah berkaitan.

Perlembagaan Persekutuan (Perkara 3) memperuntukkan agama Islam adalah agama bagi Persekutuan. Di samping itu, Perlembagaan Persekutuan (Perkara 11) mengiktiraf hak kebebasan beragama di negara ini. Dalam pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, urusan agama Islam diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri di mana D.Y.M.M. Raja-Raja Melayu adalah Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Bagi negeri-negeri yang tidak beraja, Perlembagaan Negeri berkenaan memperuntukkan bahawa D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.

No : 172

NO. AUM : 178172

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2842**

**SOALAN:**

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha dilakukan untuk mewujudkan depot bagi barang-barang kes yang berlonggok di balai-balai polis seluruh negara.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Raja kerana mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman, usaha-usaha telah dijalankan mulai tahun 2003 oleh PDRM dengan mewujudkan stor khas barang-barang kes di IPD dan IPK di seluruh Malaysia. Bagi memastikan barang-barang kes disimpan dengan lebih teratur di IPK dan IPD, Stor Barang Kes (SBK) telah dimasukkan ke dalam skop projek pembinaan IPD yang baru yang merangkumi 30 unit tempat meletak kenderaan dan bangunan seluas 300 meter persegi. Untuk ruang seluas 300 meter persegi yang didirikan, dari segi kegunaannya ialah 85 peratus untuk menyimpan pekakas (barang kes), 5 peratus untuk dokumen (bilik), 5 peratus untuk sampel biologi (bilik berhawa dingin) dan 5 peratus untuk sampel dadah (bilik berhawa dingin). Sehingga kini sebanyak 20 SBK yang termasuk dalam skop pembinaan IPD telah siap dibina.

Tuan Yang Di Pertua,

Disamping itu, bagi menampung barang-barang kes yang tidak dapat ditampung oleh SBK yang sedia ada di IPD dan IPK, PDRM telah dan sedang membina SBK Berpusat mengikut kawasan tertentu. Setakat ini, lima buah SBK Berpusat telah dan sedang dibina, iaitu:

1. SBK Berpusat Kepala Batas, Pulau Pinang;
2. SBK Berpusat Johor Bahru, Johor;
3. SBK Berpusat Sikamat, Negeri Sembilan;
4. SBK Berpusat Kuantan, Pahang; dan
5. SBK Berpusat Kota Kinabalu, Sabah.

Keperluan SBK berpusat akan ditambah lagi dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**

**SOALAN : NO.173**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendekatan Fakulti Perubatan Universiti Malaya dalam menggalakkan penyelidikan dan penulisan artikel di kalangan kakitangan akademik. Apakah langkah yang diambil untuk memastikan tanggungjawab pensyarah untuk menjaga pesakit dan mengajar pelajar perubatan tidak terpinggir.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas seorang pensyarah perubatan adalah untuk melaksanakan dasar-dasar Universiti dalam usaha mendidik pelajar, memajukan ilmu dan memberi perkhidmatan kepakaran.

Sebagai pensyarah universiti mereka juga digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti keilmuan seperti menjalankan penyelidikan, pembentangan kertas kerja, menghadiri persidangan dan penulisan artikel ilmiah. Penglibatan dalam aktiviti sebegini sangat penting bagi melengkapkan mereka dengan perkembangan ilmu perubatan yang terkini.

Pihak universiti juga memainkan peranan untuk mengimbangi tugas-tugas utama pensyarah perubatan di antara merawat pesakit dan mengajar iaitu:

- i. memastikan bilangan tenaga pengajar mencukupi bagi memenuhi semua fungsi dan keperluan seperti yang dijadualkan;
- ii. membantu mendapatkan geran penyelidikan bagi membolehkan pensyarah perubatan melantik Pembantu Penyelidik (RA) bagi membantu kerja-kerja penyelidikan mereka; dan
- iii. melantik kakitangan tertentu seperti Pegawai Penyelidik yang akan bekerjasama dengan pensyarah perubatan bagi menjalankan penyelidikan.

NO. AUM : 180

NO. AUP : 174

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2843**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan orang yang ditangkap polis dalam tahun 2008 dan 2009 mengikut negeri dan kewarganegaraan orang kena tangkap. Berapakah antara OKT yang dicaj, dan berapakah direman dalam tahun 2008 dan 2009.**

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tangkapan yang dibuat oleh pihak PDRM sepanjang tahun 2008 dan 2009 masing-masing adalah sebanyak 55,523 tangkapan dan 50,527 tangkapan. Berdasarkan jumlah tersebut, berikut adalah pecahan OKT mengikut negeri bagi dua tahun tersebut:-

NEGERI	2008	2009
PERLIS	355	320
KEDAH	4,755	4,294
PULAU PINANG	4,022	3,774
PERAK	4,047	3,716
KUALA LUMPUR	6,111	5,746
SELANGOR	12,740	11,962
NEGERI SEMBILAN	2,549	2,383
MELAKA	5,043	1,756
JOHOR	4,966	5,370
KELANTAN	2,492	2,565
TERENGGANU	1,863	1,838
PAHANG	1,807	1,979
SABAH	2,228	2,126
SARAWAK	2,545	2,698
<b>JUMLAH</b>	<b>55,523</b>	<b>50,527</b>

Manakala bagi jumlah tangkapan yang melibatkan warga asing sepanjang tahun 2008 dan 2009 masing-masing adalah sebanyak 2,822 tangkapan dan 2,244 tangkapan. Berdasarkan jumlah tersebut, berikut adalah pecahan OKT mengikut kewarganegaraan mereka:-

<b>WARGANEGARA</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>
INDONESIA	1,325	1,055
BANGLADESH	145	143
FILIPINA	435	376
SINGAPURA	1	0
THAILAND	54	78
MYANMAR	235	162
PAKISTAN	41	35
VIETNAM	278	174
KEMBOJA	4	3
BRUNEI DARUSSALAM	1	0
LAIN-LAIN	303	218
<b>JUMLAH</b>	<b>2,822</b>	<b>2,244</b>

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

### PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Sekolah(rendah) Kebangsaan. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, yang telah disiap bina dalam tempoh masa Rancangan Malaysia ke sembilan, dan juga jumlah perbelanjaan untuk membina tiap kategori sekolah.

### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan SK, SJK(C) dan SJKT (Sekolah Kerajaan) yang telah siap dibina didalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan jumlah perbelanjaan bagi tiap kategori adalah seperti berikut :

BIL	JENIS	JKR	SILING ASAR	KOS PROJEK	KPM	SILING ASAL	KOS PROJEK	JUMLAH KOS PROJEK
1	SK	227	408,583,000.00	727,619,410.28	63	335,115,000.00	605,172,832.57	1,332,792,242.85
2	SJKC	15	22,500,000.00	44,999,636.00	3	3,800,000.00	6,355,992.90	51,355,628.90
3	SJKT	19	32,800,000.00	67,309,732.38	-	-	-	67,309,732.38

Nr: 176

NO. AUM : 182 176

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2844**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan tahanan di setiap penjara di Malaysia dengan memberi pecahan dewasa-juvana dan kewarganegaraan.**

**Jawapan:**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 24 Mei 2010 menunjukkan terdapat seramai 38,048 penghuni yang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara. Daripada jumlah tersebut seramai 37,864 orang adalah penghuni dewasa dan 184 pula adalah juvana.

Seramai 12,039 atau 31.6% dari jumlah keseluruhan penghuni penjara adalah terdiri daripada warga asing.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**[ SUNGAI SIPUT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Bantuan Penuh yang ada pada Disember 2009 dan juga bilangan SJKT Bantuan Modal.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berikut ialah bilangan Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil (SJKT) Bantuan Penuh dan Bantuan Modal:

JENIS BANTUAN	BILANGAN
Bantuan Penuh	149
Bantuan Modal	374
JUMLAH	523

Data seperti 31 Julai 2009

## **SOALAN 178**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L**

**SUNDARAM [KAPAR]**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

Berapakah jumlah perbelanjaan oleh Kerajaan Malaysia dalam penglibatannya dalam Ekspo Dunia di Shanghai bermula 1 Mei 2010 hingga 31 Oktober 2010.

## **JAWAPAN**

Perbelanjaan keseluruhan bagi penglibatan Malaysia dalam Ekspo Dunia di Shanghai dari 1 Mei 2010 hingga 31 Oktober 2010 adalah berjumlah RM 35 juta. Pecahan kos tersebut adalah seperti berikut:

- a) RM20 juta bagi kos pembinaan astaka termasuk kos mereka bentuk, membina, menyelenggara dan merobohkan astaka setelah selesai tempoh pameran; dan
  
- b) RM15 juta bagi kos operasi bagi menampung perbelanjaan penerbitan risalah dan cenderamata, penghantaran barang promosi dan bahan pameran, kos penyertaan MATRADE dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), urusan publisiti dan pengiklanan, penghantaran pegawai, kakitangan serta kumpulan kebudayaan yang bertugas di astaka, bayaran kepada petugas dan pengurus astaka, majlis perasmian Astaka Malaysia serta Majlis Sambutan Hari Kebangsaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM  
[ KAPAR ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [ Kapar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan kepada sekolah-sekolah Tamil dalam Pakej Ransangan Ekonomi setakat ini dan adakah RM125 juta yang diumumkan baru-baru ini oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan ini sebagai tambahan atau sebahagian daripada Pakej Rangsangan Ekonomi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peruntukan yang diluluskan kepada sekolah-sekolah Tamil di bawah Pakej Ransangan Ekonomi adalah sebanyak RM100 juta dan peruntukan tambahan sebanyak RM69.9 juta juga telah diluluskan bagi menampung kekurangan untuk pembinaan sekolah-sekolah Tamil di bawah Pakej Ransangan Ekonomi menjadikan jumlah peruntukan adalah sebanyak RM169.9 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM**

**[ KAPAR ]**

**SOALAN :**

**Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [ Kapar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah setakat ini tidak ada seorang pun ahli-ahli politik termasuk Menteri, Bekas Menteri Kerajaan Persekutuan didakwa berhubung kes penyelewengan Pusat Dagangan Bebas Pelabuhan Klang.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih menjalankan siasatan ke atas skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang berkaitan dengan kesalahan di bawah bidang kuasa SPMR. Siasatan yang dijalankan mengambil masa memandangkan ia melibatkan banyak dokumentasi kewangan yang rumit dan perlu diteliti secara terperinci.

Kerajaan tidak akan berkompromi dalam menyelesaikan kes ini dan siasatan akan dibuat hingga ke akar umbi bagi membawa ke muka pengadilan mereka yang terlibat. Ketegasan Kerajaan dalam kes ini dibuktikan di mana setakat ini empat individu penting telah dituduh di mahkamah melibatkan amaun berjumlah lebih kurang RM370 juta. Sebarang tindakan pendakwaan akan dibuat berdasarkan bukti dan keterangan yang diperoleh semasa siasatan serta kerjasama yang diberikan oleh saksi-saksi dan bukannya berdasarkan sentimen atau semata-mata *public opinion* (dengan izin) menghendakinya pendakwaan dibuat ke atas pihak-pihak berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 187

NO. AUP : 181

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM  
[ KAPAR ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2845**

**SOALAN:**

**Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [ Kapar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a)bilangan orang yang telah ditembak mati oleh polis bagi setiap satu tahun dari 2000 hingga Disember 2009 serta pecahan angka ini mengikut kumpulan etnik; dan

(b)prosedur yang perlu dipatuhi oleh pihak polis sebelum melepaskan tembakan dan langkah yang diambil selepas setiap kes dimana polis melepaskan tembakan.

## JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), seramai 279 orang penjenayah telah ditembak mati oleh pihak polis dari tahun 2000 hingga 2009 kerana terlibat dalam pelbagai jenayah. Daripada jumlah tersebut, 42 orang keturunan Melayu, 3 Pribumi, 54 Cina, 59 India, 113 Indonesia, 5 Vietnam, 1 Filipina, 1 Thailand dan 1 Negro.

Bagi menjawab soalan (b), setiap tindakan yang diambil oleh pihak polis adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang seperti yang termaktub di bawah Bahagian V Bab XIII Kanun Acara Jenayah (akta 593) serta berdasarkan kepada Perintah Tetap Ketua Polis Negara D222, Arahan Pentadbiran Bil. 67/1996 berhubung salah laku anggota polis melibatkan senjata api bertarikh 13/11/1996 dan Arahan Pentadbiran Pengarah Siasatan Jenayah Bil. 13/2009 bertarikh 23/11/2009.

**NO. SOALAN : 182**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM**

**SOALAN :**

Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [ Kapar ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status penubuhan *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) sehingga kini serta terangkan langkah penyelesaian untuk memantau PDRM memandangkan kes penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai polis masih berleluasa.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)**

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 telah diwartakan pada 3 September 2009. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) akan berperanan untuk menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan.

Pada masa ini, satu Tim Nukleus telah diwujudkan dengan mengguna pakai Waran Perjawatan Bil. A 75 Tahun 2010 yang berkuat kuasa mulai 1 April 2010 bagi menjalankan tugas-tugas pengoperasian Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Tim Nukleus ini antara lain melaksanakan fungsi dan tugas seperti berikut:

- (i) menguruskan pewartaan / tarikh penguatkuasaan penubuhan SIAP;
- (ii) menguruskan pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan 5 orang Pesuruhjaya SIAP bagi mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri; dan
- (iii) menguruskan pelantikan Setiausaha serta pegawai-pegawai utama yang lain untuk membolehkan SIAP beroperasi dengan sempurna sebagai satu entiti sebuah badan berkanun.

Tim Nukleus Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) telah beroperasi pada 1 Jun 2010 di Tingkat 9, Menara Usahawan, Presint 2 Putrajaya dan diketuai oleh seorang Setiausaha iaitu Encik Azman bin Ahmad, Gred Utama C (Terbuka) [Pegawai Undang-Undang daripada Jabatan Peguam Negara yang dilantik secara pertukaran sementara mulai 1 Jun 2010].

Sebanyak 16 perjawatan pelbagai gred telah diwujudkan melalui Waran Perjawatan Bil. A 75 Tahun 2010 berkuat kuasa mulai 1 April 2010 seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah Jawatan
1.	Setiausaha	Gred Utama C (Terbuka)	1
2.	Ketua Penolong Setiausaha	Gred 48 (Terbuka)	2
3.	Penolong Setiausaha	Gred 41/44 (Terbuka)	4
4.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1
5.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	6
6.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	1
7.	Pembantu Am Pejabat	N1/N4	1
<b>JUMLAH</b>			<b>16</b>

Sebagai langkah penyelesaian untuk memantau kes penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai polis, tindakan tegas akan diambil menggunakan peruntukan undang-undang yang ada. dan Kerajaan tidak berkompromi ke atas mana-mana pegawai awam termasuk anggota polis jika didapati terlibat dengan penyalahgunaan kuasa.

Statistik tindakan tatatertib ke atas pegawai/anggota polis:

TAHUN	2007	2008	2009
Tahan Kerja	186	173	104
Gantung Kerja	37	44	26
Turun Pangkat	7	9	8
Tamat Perkhidmatan	3	-	-
Buang Kerja	26	39	35
Selain Buang Kerja & Turun Pangkat	398	711	850

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN  
[ PADANG SERAI ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [ PADANG SERAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah cikgu cedera atau dicederakan oleh anak murid mereka di kawasan Padang Serai semenjak 2008 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejak tahun 2008, hanya terdapat satu kes murid mencederakan guru bagi kawasan Padang Serai iaitu berlaku pada tahun 2010. Kes tersebut melibatkan dua orang murid dan seorang guru. Kedua-dua orang murid tersebut telah dikenakan tindakan iaitu seorang digantung persekolahan dan seorang lagi dibuang sekolah. Tindakan seseorang murid menyerang atau mencederakan guru adalah merupakan kesalahan berat di sekolah dan tindakan keras akan dikenakan kepada mereka. Walau bagaimana pun, KPM sering mengingatkan guru-guru agar lebih berdiplomasi dalam menguruskan dan berhadapan dengan murid-murid yang tidak berdisiplin. Pihak sekolah juga sering diperingatkan agar sentiasa berbincang dengan PIBG dalam hal ini, malah mereka boleh berhubung terus dengan pihak polis sekiranya perbuatan seseorang murid boleh mengancam keselamatan mereka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN MESYUARAT KEDUADEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN  
[ PADANG SERAI – PKR ]

SOALAN NO. 184

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [ Padang Serai – PKR ] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah fokus utama dalam menstrategikan pembangunan bola sepak negara dalam Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara yang baru-baru ini telah menerima dana berjumlah RM10 juta daripada Kerajaan.

JAWAPAN

1. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah pun menujuhkan Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara yang dipertanggungjawabkan untuk melihat keperluan dan program latihan yang boleh dilaksanakan bagi membangunkan sukan bola sepak di negara ini sebagaimana yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara.
2. Strategi yang diambil oleh Kementerian adalah:
  - 2.1 usaha akan ditumpukan bagi memastikan pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi diberi perhatian sewajarnya. Pusat-pusat latihan bola sepak di bawah Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran akan diberi bantuan kepakaran kejurulatihan bagi memastikan mutu program latihan harian yang dilaksanakan di sekolah-sekolah tersebut dijalankan mengikut kaedah dan sistem latihan terkini. Pihak Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara juga akan melihat keperluan bantuan peralatan, kemudahan dan pertandingan di peringkat sekolah;
  - 2.2 pada masa yang sama, aktiviti bola sepak di peringkat komuniti juga akan diberi perhatian memandangkan telah menjadi satu trend di seluruh dunia di mana pihak ibu bapa menggalakkan anak-anak

mereka seawal umur 7 tahun melibatkan diri dalam sukan bola sepak. Dengan cara ini lebih banyak pemain-pemain muda dapat menceburkan diri dalam sukan bola sepak dan seterusnya membantu mengembangkan permainan ini di peringkat akar umbi;

- 2.3 lebih ramai jurulatih-jurulatih akan diberi latihan mengikut peringkat seiring dengan keperluan jurulatih di peringkat sekolah dan komuniti. Jurulatih-jurulatih ini akan diberi latihan mengikut kaedah dan kurikulum sebagaimana piawaian antarabangsa;
- 2.4 pihak Jawatankuasa juga akan melihat keperluan pembangunan pasukan kebangsaan mengikut peringkat umur bagi meneruskan saingen di peringkat antarabangsa. Pasukan-pasukan kebangsaan ini akan diberi pendedahan sewajarnya dan akan dilengkapkan dengan kumpulan jurulatih yang berkelayakan dan sokongan sains sukan; dan
- 2.5 bagi memenuhi sasaran jangka pendek, pasukan negara diharap dapat meneruskan kecemerlangan di Sukan Sea Loas dengan mempertahankan pingat emas di Sukan Sea Indonesia pada tahun 2011 nanti. Bagi sasaran jangka panjang diharap pasukan muda negara akan dapat melayakkan diri ke Kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019 nanti.

NO. AUM : 191 185  
NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN SOALAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN  
[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2846**

**SOALAN:**

**TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN [ PADANG SERAI ]**  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan  
bercadang menetapkan suatu jangka masa bagi mengenal pasti  
kepincangan di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) dan  
apakah status terkini cadangan semakan AKDN yang telah dilakukan  
sejak awal bulan April tahun ini.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Padang Serai yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli yang berhormat bahawa Kementerian dalam proses kajian terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Kementerian telah turut mengadakan sesi-sesi Pertemuan Awam (*Public Engagement*) bagi mendengar pandangan serta mendapatkan buah fikiran dari semua pihak dan *stakeholders*. Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh agensi-agensi penguat kuasa, badan-badan bukan kerajaan, pakar akademik, pengamal undang-undang, ahli-ahli politik, ahli-ahli parlimen, pengamal media serta orang awam telah diambil kira dan diberikan perhatian di dalam usaha penambahbaikan dan pindaan kepada Akta ini.

Hasil daripada siri pertemuan awam tersebut, Kementerian juga telah mengenal pasti lima (5) isu pokok yang menimbulkan ketidakpuashatian sesetengah pihak terhadap penguatkuasaan dan perlaksanaan ISA. Lima (5) isu pokok tersebut adalah;

- i) kuasa-kuasa Menteri;
- ii) tempoh tahanan;
- iii) hak-hak dan layanan terhadap orang tahanan;
- iv) persepsi umum-perlaksanaan AKDN 1960; dan

v) penahanan tanpa bicara.

Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada 19 Mac 2010 telah mengambil maklum perkara ini dan telah menetapkan supaya kajian dilanjutkan kepada akta-akta atau undang-undang pencegahan yang lain. Hasil daripada kajian selanjutnya itu, Kementerian telah memutuskan untuk turut melakukan semakan dan kajian terhadap tiga (3) lagi iaitu Akta Kediaman Terhad 1933, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Buang Negeri 1959.

Dalam hubungan ini adala dijangkakan keenam-enam (6) akta iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985, Akta Kediaman Terhad 1933, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Buang Negeri 1959 akan dibentangkan di dalam sesi Dewan Rakyat.

No. 186

NO. AUM : 192186

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN  
[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2847**

**SOALAN:**

**Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [ Padang Serai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah statistik tahanan juvenil di pusat tahanan dan berikan mengikut komposisi kaum dari tahun 2008 hingga 2010.**

**Jawapan:**

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Statistik Jabatan Penjara Malaysia yang berakhir pada 24 Mei 2010 menunjukkan terdapat seramai 184 penghuni juvana yang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh penjara. Mereka terdiri daripada:

i.	Melayu	-	48
ii.	Cina	-	5
iii.	India	-	17
iv.	Lain-lain	-	16
v.	Warga asing	-	98
<b>Jumlah</b>			<b>184</b>

Statistik Jabatan Penjara mulai tahun 2008 hingga Mei 2010 menunjukkan berlakunya kemasukan seramai 755 juvana untuk tempoh tersebut.

NO. AUM : 192

NO. AUP : 186

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN  
[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2847**

**SOALAN:**

**Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [ Padang Serai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah statistik tahanan juvenil di pusat tahanan dan berikan mengikut komposisi kaum dari tahun 2008 hingga 2010.**

Jawapan:

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Statistik Jabatan Penjara Malaysia yang berakhir pada 24 Mei 2010 menunjukkan terdapat seramai 184 penghuni juvana yang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh penjara. Mereka terdiri daripada:

i.	Melayu	-	48
ii.	Cina	-	5
iii.	India	-	17
iv.	Lain-lain	-	16
v.	Warga asing	-	98
	<b>Jumlah</b>		<b>184</b>

Statistik Jabatan Penjara mulai tahun 2008 hingga Mei 2010 menunjukkan berlakunya kemasukan seramai 755 juvana untuk tempoh tersebut.

**SOALAN NO. 187**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPPAN (PKR)**  
**(PADANG SERAI)**

**TARIKH : 7 JUN 2010 ( ISNIN )**

**SOALAN :**

**YB Tuan Gobalakrishnan A/L Nagappan (PKR) (Padang Serai) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa ramai ibu tunggal yang menerima bantuan kebajikan di Padang Serai dan berikan jumlah mengikut senarai dan alamat bagi tahun 2009.**

**JAWAPAN :**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada golongan yang berkeperluan dan memerlukan bantuan termasuk ibu tunggal berdasarkan kriteria dan kelayakan yang ditetapkan. Pada masa ini terdapat tiga skim bantuan kebajikan yang layak dipertimbangkan kepada golongan ibu tunggal yang berkeperluan dan memerlukan iaitu Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Geran Pelancaran dan Bantuan Am.

Bagi tahun 2009, sebanyak 190 orang ibu tunggal di Kawasan Padang Serai menerima Bantuan Kanak-kanak manakala bagi dua lagi skim iaitu Bantuan Geran Pelancaran dan Bantuan Am tiada penerima di kalangan ibu tunggal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM (Beruas)**

**SOALAN:**

Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah penduduk negeri Perak bagi 20 tahun yang lepas sehingga hari ini

**JAWAPAN:**

Bilangan penduduk Perak pada tahun 1990 sehingga tahun 2010 adalah seperti berikut: tahun 1990: 1.99 juta, tahun 1995: 2.04 juta, tahun 2000: 2.09 juta, tahun 2005: 2.26 juta dan tahun 2010 dianggarkan: 2.44 juta.

NW: 189

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KHOO HAM  
KAWASAN : BERUAS  
TARIKH : 07.06.2010  
NO. SOALAN : 189

**Y.B. DATO' NGEH KHOO HAM (BERUAS)** minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan tempatan dan luar Negara negeri Perak untuk 10 tahun yang lepas sehingga hari ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan di negeri Perak dari tahun 2000 hingga Mac 2010 adalah sebanyak 549 projek dengan pelaburan sebanyak RM18.2 bilion. Daripada jumlah ini, sejumlah RM9.2 bilion (50.5 peratus) adalah pelaburan tempatan manakala RM9.0 bilion (49.5 peratus) adalah pelaburan asing. Projek-projek yang diluluskan di negeri Perak bagi tempoh dari tahun 2000 hingga Mac 2010 dijangka menjana sejumlah 52,979 peluang pekerjaan.

PEMBERITAHU PERTANYAANDEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM

KAWASAN : BERUAS

NO. SOALAN : 190

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada cadangan pelaburan Vale International sebuah syarikat Brazil yang ingin melabur di negeri Perak telah diluluskan dan nyatakan butir-butir projek-projek pelaburan yang akan dilaksanakan oleh syarikat ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah menerima permohonan daripada syarikat VALE yang telah diluluskan pada 6 Januari 2009. Syarikat pemohon merupakan anak syarikat milik VALE (Companhia Vale do Rio Doce) yang berasal dari Brazil. VALE diperbadankan pada tahun 1942 oleh Kerajaan Brazil sebagai syarikat perlombongan milikan negeri.

VALE merupakan syarikat kedua terbesar di dunia dalam industri perlombongan dan logam seperti iron ore, nickel, copper concentrate, bauxite, alumina, potash, kaolin, manganese dan ferroalloys.

Permohonan yang diluluskan adalah bagi menjalankan aktiviti Pusat Pengedaran Serantau (Regional Distribution Centre, RDC) yang ditafsirkan semula sebagai Hab Pengedaran Serantau (Regional Distribution Hub, RDH), operasi jeti dengan pelaburan bernilai RM8.63 billion di bawah Vale Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd. Manakala permohonan kedua adalah untuk menjalankan projek pengilangan iron ore pellet dengan pelaburan bernilai RM6.12 bilion di bawah Vale Malaysia Sdn. Bhd. Kedua-dua projek tersebut terletak di Teluk Rubiah, Manjung, Perak Darul Ridzuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM  
KAWASAN : BERUAS  
NO. SOALAN : 191

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada cadangan pelaburan Vale International sebuah syarikat Brazil yang ingin melabur di negeri Perak telah diluluskan dan nyatakan butir-butir projek-projek pelaburan yang akan dilaksanakan oleh syarikat ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah menerima permohonan daripada syarikat VALE yang telah diluluskan pada 6 Januari 2009. Syarikat pemohon merupakan anak syarikat milik VALE (Companhia Vale do Rio Doce) yang berasal dari Brazil. VALE diperbadankan pada tahun 1942 oleh Kerajaan Brazil sebagai syarikat perlombongan milikan negeri.

VALE merupakan syarikat kedua terbesar di dunia dalam industri perlombongan dan logam seperti iron ore, nickel, copper concentrate, bauxite, alumina, potash, kaolin, manganese dan ferroalloys.

Permohonan yang diluluskan adalah bagi menjalankan aktiviti Pusat Pengedaran Serantau (Regional Distribution Centre, RDC) yang ditafsirkan semula sebagai Hab Pengedaran Serantau (Regional Distribution Hub, RDH), operasi jeti dengan pelaburan bernilai RM8.63 billion di bawah Vale Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd. Manakala permohonan kedua adalah untuk menjalankan projek pengilangan iron ore pellet dengan pelaburan bernilai RM6.12 bilion di bawah Vale Malaysia Sdn. Bhd. Kedua-dua projek tersebut terletak di Teluk Rubiah, Manjung, Perak Darul Ridzuan.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Dato' Ngeh Koo Hem [ Beruas ]**

**SOALAN :** Dato' Ngeh Koo Hem [Beruas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah subsidi-subsidi yang dinikmati oleh nelayan-nelayan. Kenapa ramai nelayan-nelayan di Hutan Melintang, Perak mendapati subsidi bulanan mereka sebanyak RM200.00 dan subsidi tangkapan ikan sebanyak RM0.10 sekilo dibayar secara tidak menentu.

**JAWAPAN :** Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang DiPertua,

Antara jenis subsidi yang diberikan kepada nelayan adalah seperti berikut:

- (i) subsidi diesel pada harga RM1.20 seliter dan subsidi petrol pada harga RM1.20 seliter;
- (ii) insentif hasil tangkapan ikan pada kadar RM0.10 sekilogram; dan

- (iii) Elaun Sara Hidup pada kadar RM200 sebulan kepada pemegang lesen dan pekerja vesel warganegara Malaysia.

Masalah pembayaran Elaun Sara Hidup dan Insentif Tangkapan Ikan kepada nelayan berlaku kerana mereka tidak membuat pembaharuan lesen vesel serta kad subsidi diesel dan petrol apabila telah tamat tempoh. Pembaharuan lesen vesel serta kad subsidi diesel dan petrol adalah wajib bagi melayakkan nelayan untuk mendapat Elaun Sara Hidup dan Insentif Tangkapan Ikan.

Selepas pembaharuan lesen vesel serta kad subsidi diesel dan petrol nelayan dikehendaki memperbaharui permohonan Elaun Sara Hidup untuk :-

- (i) Memastikan nelayan benar – benar layak menerima Elaun Sara Hidup Nelayan; dan
- (ii) Memastikan vesel-vesel nelayan aktif beroperasi.

Selain itu, pemilik dan pekerja vesel tidak layak mendapat Elaun Sara Hidup sekiranya mereka terlibat di dalam kes-kes kesalahan yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan Malaysia dan didapati bersalah, vesel tidak beroperasi dalam tempoh tindakan mahkamah serta vesel yang ditahan oleh Jabatan Perikanan Malaysia dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) atau lain-lain agensi Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
( KUALA LANGAT )

NO. SOALAN : 199 193

TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID ( KUALA LANGAT ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan adakah Kerajaan sedar rakyat tidak menikmati subsidi minyak sebanyak 30 sen seperti yang diwar-warkan oleh Kerajaan. Berdasarkan kepada analisa harga petrol di Malaysia, apakah keadaan sebenar sehingga kini, rakyat masih lagi membeli petrol dengan harga premium melebihi daripada harga pasaran semasa dan bukannya harga subsidi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman sidang dewan, harga runcit sebenar bagi diesel untuk bulan April 2010 adalah RM2.57 seliter. Manakala harga runcit sebenar petrol RON95 dan RON97 termasuk cukai jualan yang sepatutnya dikenakan untuk tempoh

yang sama, masing-masing adalah **RM2.84 seliter** dan **RM2.82 seliter**. Walau bagaimanapun, untuk tidak membebankan rakyat, Kerajaan telah memberikan subsidi dan mengecualikan cukai bagi produk-produk tersebut. Kadar subsidi dan pengecualian cukai bagi petrol **RON97** adalah sebanyak **79.64 sen** seliter dan **RM1.02** seliter bagi petrol **RON95**. Manakala bagi diesel pula, kadar subsidi dan pengecualian cukai oleh Kerajaan adalah **87.07 sen** seliter. Berikutan daripada subsidi dan pengecualian cukai tersebut harga runcit petrol dan diesel ditetapkan pada **RM1.70** seliter bagi diesel dan **RM1.80** seliter bagi petrol **RON95** serta **RM2.05** seliter bagi petrol **RON97**. Oleh yang demikian, dakwaan yang menyatakan rakyat membeli petrol dengan harga melebihi harga pasaran semasa adalah tidak benar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
( KUALA LANGAT )

NO. SOALAN : 200

TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID ( KUALA LANGAT ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan Kerajaan sedia maklum sekiranya kenaikan minyak berlaku, ia memberi impak besar secara langsung terhadap kenaikan barang kerana *chain effect* kepada pemborong, peruncit dan pengguna. Implikasinya adalah rakyat akan memberontak. Apakah Kerajaan yang kononnya bergelar diri sebagai Kerajaan Rakyat merestui perkara sebegini berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedia maklum bahawa cadangan untuk menaikkan harga runcit bahan api adalah satu keputusan yang tidak popular dan mempunyai implikasi yang besar, namun ia merupakan satu keputusan sangat penting untuk dilakukan dan kajian komprehensif sedang dilakukan oleh Kerajaan.

Melalui Hari Terbuka Makmal Rasionalisasi Subsidi yang telah berlangsung pada 27 Mei 2010 yang dipimpin oleh Datuk Seri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah membentangkan cadangan untuk memansuhkan subsidi oleh Kerajaan termasuklah bagi bahan api. Hari Terbuka Makmal Rasionalisasi Subsidi adalah salah satu mekanisme Kerajaan untuk mendapatkan pandangan rakyat sebelum membuat sesuatu keputusan dan dalam masa yang sama bersifat sebagai medium penerangan kepada rakyat tentang situasi dan realiti yang dihadapi oleh negara . Maklumbalas daripada rakyat akan dibentangkan kepada Kabinet sebelum sebarang keputusan muktamad dibuat.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kadar subsidi bahan petroleum bagi bulan April 2010 untuk produk petrol RON95 adalah 43.38 sen seliter dan diberikan pengecualian cukai penuh sebanyak 58.62 sen seliter. Manakala bagi diesel, kadar subdidi adalah sebanyak 47.07 sen seliter dan diberikan pengecualian cukai penuh sebanyak 40 sen seliter. Ia telah melebihi kadar subsidi 30 sen yang ditetapkan oleh Kerajaan melalui Automatic Pricing Mechanism (APM). Oleh yang demikian, bagi mengurangkan tanggungan subsidi, maka kenaikan harga dilihat sebagai satu tindakan tidak popular yang terpaksa diambil oleh pihak Kerajaan. Namun demikian, secara relatifnya ia adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara jiran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN  
ABDUL HAMID  
[ KUALA LANGAT ]  
TARIKH :  
SOALAN :

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik tarafkan Hospital Banting dan menempatkan doktor-doktor pakar di hospital ini.

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam Rancangan Malaysia ke-9, Kementerian telah menaiktaraf Unit ICU (*Intensive Care Unit*), CCU (*Cardiac Care Unit*), HDW (*High Dependency Ward*) dengan kos sebanyak RM8.146 juta. Projek telah disiapkan pada 5 Disember 2008. Di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) terdapat permohonan untuk menaiktaraf Unit Kecemasan, Wad, Makmal dan Jabatan Radiologi Hospital Banting dan kini sedang menunggu kelulusan dari Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

**SOALAN ( 196)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT)

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik tarafkan atau membina balai bomba baru di daerah Kuala Langat kerana di daerah ini mempunyai pertambahan kilang-kilang dan juga taman-taman perumahan. Balai bomba sekarang terlalu kecil untuk menampung pertambahan tersebut.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengkaji keperluan menaik taraf balai bomba sedia ada atau membina balai bomba baru di sesuatu kawasan berdasarkan faktor kepesatan pembangunan serta kriteria-kriteria lain seperti :-

- a) Indikator risiko kebakaran;
- b) Kepadatan penduduk;
- c) Keluasan kawasan jagaan;
- d) Keperluan sosial politik;

e) Faktor geografi; dan

f) Keperluan strategik

Pihak KPKT menyedari bahawa pada masa ini terdapat pertambahan kilang-kilang dan taman-taman perumahan di daerah Kuala Langat dan perkhidmatan kebombaan sedia ada adalah dari Balai Bomba dan Penyelamat Banting. Sehubungan itu KPKT akan membuat kajian terperinci berdasarkan kriteria-kriteria ditetapkan bagi mengenalpasti keperluan sebenar sebelum kerja-kerja menaiktaraf balai bomba dilaksanakan.

Pada tahun 2009, KPKT turut melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang melibatkan pembinaan dalaman dan luaran bangunan Balai Bomba Banting.

Cadangan pembinaan balai bomba baru di Teluk Panglima Garang juga telah dimasukkan dalam permohonan Projek Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kebombaan di daerah tersebut.

Kementerian Perumahan  
Dan Kerajaan Tempatan  
Julai 2010

## **SOALAN NO: 197**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN:      BERTULIS

DARIPADA:      Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kulala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan agar graduan-graduan dari Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia mendapat pekerjaan tetap selepas tamat pengajian di ILJTM.

PR-1232-T37383

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan graduan-graduan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil langkah-langkah untuk memperluaskan peluang kerjaya graduan ILJTM seperti berikut:-

#### **i. Pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)**

Kerajaan akan mengiktiraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 4 dan 5 supaya setaraf dengan diploma dan diploma lanjutan aliran akademik. Dengan pengiktirafan ini nanti, pemegang SKM berkelayakan memohon untuk berkhidmat di sektor awam, manakala bagi mereka yang berkhidmat di sektor swasta dapat menikmati gaji setaraf dengan pemegang diploma. Bagi maksud tersebut, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah pun memberikan kerjasama sepenuhnya untuk mengkaji hasrat Kerajaan untuk memasukkan kelayakan SKM Tahap 4 dan 5 setaraf dengan diploma dan diploma lanjutan sebagai salah satu kelayakan masuk dalam skim-skim perkhidmatan yang sedia ada;

## **ii. Kerjasama dengan MAJAICO dan pewujudan JMTI**

Mewujudkan kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun dalam membangunkan infrastruktur yang kukuh dari segi pengetahuan dalam bidang pembuatan automotif melalui Malaysia Japan Automotive Industries Co-Operation (MAJAICO). Penubuhan Japan Malaysia Technology Institute (JMTI) dengan kerjasama teknikal antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun bertujuan melahirkan tenaga kerja yang berketerampilan dan berpengetahuan dengan menyediakan latihan kemahiran di peringkat tinggi dalam bidang teknologi termaju sejajar dengan keperluan teknologi semasa dalam sektor perindustrian;

## **iii. Analisis pekerjaan (Occupational Analysis)**

Kementerian sedang mengenalpasti keperluan pekerjaan baru melalui kajian analisis pekerjaan (OA) bagi menyokong melahirkan tenaga mahir yang mencukupi di dalam sektor-sektor yang dikenalpasti sebagai sumber pertumbuhan baru ekonomi negara yang menyediakan peluang pekerjaan ke arah *High Income Economy*. Ini termasuklah pekerja mahir dalam bidang teknologi solar, teknologi hijau (*green technology*) , *avionics* dan sebagainya. Kementerian melalui ILJTM akan mengeluarkan tenaga mahir dalam bidang kemahiran yang diperluan bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan;

## **iv. Memartabatkan kelayakan kemahiran**

Bagi meningkatkan kebolehpekerjaan (employability) dikalangan lulusan ILJTM, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah bekerjasama dengan badan-badan antarabangsa bagi memartabatkan kelayakan kemahiran di peringkat nasional dan antarabangsa melalui pengiktirafan kelayakan kemahiran di peringkat antarabangsa serta oleh pihak Kerajaan dan swasta;

## **v. Melahirkan tenaga pengajar mahir**

KSM telah mengadakan kerjasama dengan institusi-institusi latihan kemahiran dari negara-negara maju seperti Australia , United Kingdom dan Jerman bagi

melatih tenaga pengajar tempatan dalam bidang-bidang kemahiran baru. Melalui program kerjasama KSM dengan Australian Institute of Technology Transfer, Perth Australia, Pengarah ILP akan dianugerahkan Vocational Graduate Diploma of Management (Learning). Bagi tenaga pengajar yang mengikuti program tersebut, akan dianugerahkan empat (4) sijil berikut:

- Certificate IV in Training and Assessment;
- Executive Certificate in Effective Mentoring & Coaching;
- Diploma of Training and Assesment; dan
- Advanced Diploma of Training and Assesment.

Melalui program kerjasama KSM dengan Airod, MAS dan University of Bristol, United Kingdom, tenaga pengajar ILP akan dianugerahkan sijil *aviation* oleh University of Bristol.

#### **vi. Mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional**

KSM akan memenuhi hasrat Kerajaan untuk melahirkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang kemahiran. Untuk itu, Kementerian akan mengendalikan kursus-kursus baru / menaiktaraf daripada SKM 3 ke SKM 4 & 5 seperti berikut untuk memenuhi keperluan gunatenaga Negara.

#### **ADTEC Taiping**

Bil	Kursus Baru / Naik Taraf Diploma
1	Diploma Teknologi Bahan Termaju ( Komposit)
2	Diploma Teknologi Bahan Termaju (Seramik)
3	Diploma Teknologi Bahan Termaju (Polimer)

#### **ADTEC Jerantut**

Bil	Kursus Baru / Naik Taraf Diploma
1	Diploma Teknologi Rekabentuk Produk Industri
2	Diploma Teknologi Komputer (Keselamatan)
3	Diploma Teknologi Bahan Termaju (Polimer)

### ADTEC Kemaman

Bil	Kursus Baru / Naik Taraf Diploma
1	Diploma Teknologi Instrumentasi
2	Diploma Teknologi Penyelenggaraan Mekanikal

### ADTEC Bintulu

Bil	Kursus Baru / Naik Taraf Diploma
1	Diploma Teknologi Instrumentasi
2	Diploma Teknologi Penyelenggaraan Mekanikal
3	Diploma Teknologi Pemasangan Paip Gas

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kaji Selidik Pengesanan ILJTM yang dilakukan semasa Majlis Konvokesyen ILJTM tahun 2009, sebanyak 67.4% responden telah mengemukakan maklumbalas. Hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 3,333 (51%) orang graduan ILJTM telah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas menamatkan latihan. Manakala, seramai 1,488 (22%) orang graduan lagi berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan selebihnya iaitu 1,799 (27%) graduan masih mencari pekerjaan.

Melalui langkah-langkah di atas, ianya dapat memastikan graduan ILJTM mendapat pekerjaan tetap, diterima oleh industri dan mendapat gaji yang tinggi berdasarkan kelayakan.

Ms:lag  
Bem

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN  
[KOTA BELUD]**

**NO. PERTANYAAN : ~~204~~ 198**

**Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapa banyakkah kemalangan jalanraya di Malaysia yang disebabkan oleh tayar dan alat gantian (*spare parts*) tiruan.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kemalangan jalan raya terjadi disebabkan faktor-faktor seperti berikut:

- (i) kelalaian manusia;
- (ii) keadaan kenderaan (kerosakan mekanikal); dan
- (iii) persekitaran jalan;

Sungguhpun begitu, faktor keadaan kenderaan (kerosakan mekanikal) hanya menyumbang 8.6% daripada punca kemalangan jalan raya berbanding 66.9% faktor kelalaian manusia dan 24.5% faktor persekitaran jalan. Faktor kerosakan mekanikal melibatkan tayar buruk/botak, kegagalan sistem brek, kerosakan lampu, dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, penggunaan tayar dan alat gantian bukan merupakan punca utama kemalangan jalan raya.

Tuan Yang Dipertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak mempunyai perangkaan kemalangan jalan raya yang berpunca daripada penggunaan alat gantian tiruan. Walau bagaimanapun, PDRM mempunyai perangkaan kemalangan jalan raya bagi

tahun 2007 dan 2008 yang berpunca daripada tayar botak / buruk iaitu sebanyak 147 kes dan kemalangan berpunca daripada kegagalan sistem brek iaitu sebanyak 580 kes. Perincian perangkaan kedua-dua kes kemalangan adalah seperti berikut:

Kerosakan Mekanikal	2007 (Kes)	2008 (Kes)	JUMLAH
Tayar buruk/botak	87	60	147
Kegagalan sistem brek	299	281	580

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. DATO' HAJI ABD RAHMAN DAHLAN  
KAWASAN : KOTA BELUD  
NO. SOALAN : 199

**YB. DATO' HAJI ABD RAHMAN DAHLAN [KOTA BELUD]** minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apa kebaikan dan dasar AP untuk membantu peniaga Bumiputera dalam industri kereta negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, objektif utama dasar pemberian Lesen Import (AP) Terbuka yang diperkenalkan pada tahun 1970 adalah untuk menggalakkan usahawan Bumiputera bergiat dalam sektor automotif. Kerajaan juga telah memperkenalkan AP Francais pada tahun 1997 bagi memenuhi komitmen pembukaan pasaran automotif.

Selaras dengan objektif tersebut, dasar AP yang digubal Kerajaan telah banyak membantu peniaga Bumiputera dalam industri kereta negara di mana syarikat-syarikat pemegang AP telah berjaya meningkatkan penyertaan

Bumiputera dalam aktiviti pengimportan dan pengedaran kenderaan import.  
Pada masa ini, sebanyak 6 syarikat pemegang AP yang telah berjaya mempelbagaikan aktiviti dalam sektor automotif yang lain seperti pemasangan kereta dan motosikal secara *completely knocked-down* (CKD), aktiviti pemasangan dan bina semula kenderaan perdagangan terpakai dan pengeluaran minyak pelincir. Di samping itu, kebanyakan pemegang-pemegang AP Terbuka yang lain pula turut menjadi wakil pengedar kenderaan-kenderaan baru jenama Honda, Toyota, BMW, Mercedes Benz, Proton dan Perodua.

No: 200

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**  
**DARIPADA** : **YB. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [KOTA BELUD]**  
**SOALAN** : **NO. 200**  
**SOALAN**

**Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan perkembangan status terkini pembinaan loji penjana bebas (IPP) menggunakan arang batu di Pantai Timur Sabah.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,  
Penjana Bebas (IPP) yang diberi kelulusan untuk membina loji jana kuasa berdasarkan arang batu yang berkapasiti 300 MW di Felda Selatan, Lahad Datu, Pantai Timur Sabah adalah LDE Energy Sdn. Bhd. (LDE).

Pihak LDE telah memulakan rundingan *Power Purchase Agreement* (PPA), dengan izin, dengan pihak SESB pada 19 April 2010. Kerja-kerja *Power System Studies*, dengan izin, sepertimana yang diminta oleh pihak SESB telah dimulakan pada 12 Januari 2010. Rundingan PPA akan dimuktamadkan apabila laporan akhir *Power System Study*, dengan izin, diluluskan oleh SESB.

Kontraktor EPC (*Engineering, Procurement & Construction*) iaitu *China National Electric Equipment Corporation* (CNEEC) telah menyiapkan kajian tanah di kawasan tapak pada akhir Mac 2010. Berdasarkan kepada laporan tersebut, lapisan *bedrock*, dengan izin, tidak dapat dicapai walaupun pada kedalaman 50meter. Ini bermakna, bilangan cerucuk yang diperlukan semasa pembinaan akan bertambah, seterusnya menyebabkan pertambahan kos projek. LDE telah melantik konsultan untuk membantu menilai laporan tersebut.

Sehingga hari ini, Terma Rujukan bagi laporan *Detailed Environment Impact Assessment* (DEIA), dengan izin, bagi projek loji jana kuasa berasaskan arang batu 300 MW di Felda Selatan, Lahad Datu, Pantai Timur Sabah telah dipamerkan selama 2 minggu pada 8-21 Mac 2010 di beberapa lokasi seperti Perpustakaan, Majlis Daerah, Pejabat Daerah Lahad Datu dan dalam beberapa akhbar tempatan untuk komen orang awam. Sehingga tarikh tutup pada 4 April 2010, hanya organisasi *Land Empowerment Animals People*, yang mengemukakan komen.

Laporan *Detailed Environment Impact Assessment* (DEIA), dengan izin, telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya oleh Lahad Datu Energy Sdn. Bhd. pada 26 Mei 2010 dan keputusannya dijangka akan dikeluarkan dalam masa beberapa bulan lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perancangan, tarikh mula tugas secara komersial loji jana kuasa berasaskan arang batu 300 MW tersebut adalah seperti berikut:-

- i.      Unit Pertama, 75 MW                  -      Mac 2013;
- ii.     Unit Kedua, 75 MW                  -      Mei 2013;
- iii.    Unit Ketiga, 75 MW                  -      November 2013; dan
- iv.     Unit Keempat, 75 MW                  -      Januari 2014.

\*\*\*\*\*



